



MUCEET 2009 - KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT DI KALANGAN AHLI MTUN

MUCEET 2009 atau Malaysian Technical Universities Conference on Engineering and Technology adalah persidangan kali ketiga yang membabitkan penyertaan oleh ahli-ahli akademik dari empat buah universiti teknikal di Malaysia iaitu, Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Teknikal Melaka Malaysia (UTeM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).



Antara tujuan utama persidangan ini adalah sebagai landasan kepada tenaga akademik dan para penyelidik dari keempat-empat universiti ini untuk membentangkan kertas kerja hasil penyelidikan mereka terutamanya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi disamping dapat merapatkan jalinan hubungan sesama tenaga akademik dan penyelidik dari keempat-empat buah universiti terlibat.

Pada kali ini, Universiti Malaysia Pahang dipilih untuk menjadi tuan rumah kepada persidangan yang telah diadakan di Hotel M.S. Garden, Kuantan, Pahang pada 20 - 22 Jun yang lalu. Sebanyak 200 kertas persidangan telah dibentangkan dengan setiap universiti menghantar sebanyak 50 kertas persidangan. Selain dari persidangan, penganjur turut mengadakan pameran atau ekspo yang mempamerkan produk-produk penyelidikan dari keempat-empat buah universiti yang mengambil bahagian.

UniMAP mengenengahkan 8 produk untuk dipamerkan di ruang legar pusat membeli belah Berjaya Megamall, Kuantan. Produk-produk penyelidikan yang terpilih ini adalah di antara yang pernah memenangi pingat pada pertandingan rekapipta di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dalam persidangan MUCEET kali ini, terdapat 4 kategori Persidangan yang dipertandingkan iaitu untuk bidang Manufacturing, Emerging Technology, Science & Engineering dan Social Science & Management.

UniMAP telah berjaya memenangi hadiah untuk pertandingan bagi kategori "Emerging Technology" melalui Dr. Mukhzeer Mohamad Shahimin dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik melalui kertas persidangan bertajuk "Optimisation of Polymer Particles Propulsion On Caesium Ion-exchanged Channel Waveguide for Stem Cells Sorting Applications". Selain itu, beliau turut memenangi hadiah bagi kategori "Kertas Persidangan Terbaik" melalui kertas persidangan yang sama. Beliau berjaya membawa pulang wang tunai berjumlah RM 1,000.00 dan sebuah komputer riba atas kejayaan tersebut.

